

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
PEGAWAI BOMBA**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Bomba Gred KB19, KB22, KB24, KB26, KB28.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja operasi pemadaman dan penyelamatan, penyelenggaraan harian dan pemanduan jentera bomba serta melaksanakan kerja-kerja pengawasan di bilik kawalan dan pemeriksaan premis.

4. SKOP FUNGSI DAN TUGAS

4.1 Pegawai Bomba Gred KB19

4.1.1 Melaksanakan kerja-kerja operasi pemadaman dan penyelamatan seperti berikut:

- a. Membuat persediaan tugas-tugas operasi pemadaman dan penyelamatan di balai.
- b. Menjalankan operasi pemadaman kebakaran dan penyelamatan.
- c. Membuat penyiasatan kebakaran bagi setiap kebakaran.
- d. Membuat kajian kawasan dan pili bomba di kawasan jagaan balai.
- e. Membantu membuat pemeriksaan premis.
- f. Membuat pemeriksaan (*check list*) dan merekod setiap jentera serta peralatan kebombaannya.
- g. Menjalankan latihan kemahiran dalam balai dan di bangunan di kawasan jagaan.
- h. Membantu menyediakan *contingency* pra kebakaran.

4.1.2 Melaksanakan kerja penyelenggaraan harian ke atas jentera bomba dengan cekap yang meliputi aspek-aspek berikut:

- a. Melakukan kerja-kerja pemeriksaan harian ke atas jentera bomba selepas pertukaran pasukan bertugas berdasarkan jadual kerja harian.
- b. Membuat ujian perjalanan dan ujian keupayaan ke atas kereta bomba.
- c. Menentukan kebersihan jentera dan keselamatannya.

4.1.3 Mengendalikan pam bomba yang meliputi aspek-aspek berikut:

- a. Menentukan ujian-ujian pam bomba dengan penjadualan dan peraturan jabatan.
- b. Menentukan segala prosedur pengendalian pam bomba semasa kerja-kerja pemadaman, kecemasan dan bencana dipatuhi.
- c. Melaporkan apa-apa kerosakan dan masalah pam dengan serta merta dan mengikut peraturan jabatan kepada ketua skuad keluaran/ pegawai operasi pasukan/ pegawai penjaga balai.

4.1.4 Melaksanakan tugas-tugas pemanduan jentera bomba dengan cekap yang meliputi aspek-aspek berikut:

- a. Memandu jentera bomba ke tempat kejadian kebakaran, bencana dan apa-apa penyelamatan.
- b. Mengendalikan operasi jentera bomba seperti pam dan primer, apa-apa peralatan hidraulik yang lain-lain.
- c. Membuat catatan ke dalam rekod perjalanan jentera bomba mengikut arahan jabatan.

4.1.5 Melaksanakan kerja-kerja di Bilik Kawalan dan Pengawasan yang meliputi aspek-aspek berikut:

- a. Mengendalikan dan pengujian alat-alat perhubungan telefon talian terus dan lain-lain peralatan telefon yang diletakkan di dalam bilik kawalan.

- b. Mencatat atau merekodkan dalam buku catatan harian bilik kawalan serta mengarahkan pasukan keluaran di balai-balai cawangan untuk menghadiri hal-hal kecemasan.
- c. Memberitahu kepada pegawai kanan bomba dan pegawai-pegawai di agensi-agensi mustahak seperti Pasukan Polis, Tenaga Nasional Bhd, Hospital, Bulan Sabit Merah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, JBA dan lain-lain tentang hal-hal kecemasan.
- d. Mengendalikan alat-alat komunikasi di kereta bomba dan di balai-balai.

4.2 Pegawai Bomba Gred KB22

Bertanggungjawab sebagai Ketua Keluaran Operasi dalam operasi pemadaman kebakaran dan penyelamatan, menyelia dan mengawal selia kerja-kerja operasi, penyelenggaraan harian, pemanduan jentera bomba dan menjalankan pemeriksaan premis.

4.2.1 Bertindak sebagai Ketua Keluaran Operasi dalam operasi pemadaman kebakaran dan penyelamatan.

4.2.2 Menyelia dan mengawal selia kerja-kerja operasi pemadaman dan penyelamatan seperti berikut:

- a. Menyediakan laporan kebakaran dan membuat penyiasatan kebakaran bagi setiap kebakaran.
- b. Membuat kajian kawasan dan pili bomba di kawasan jagaan balai.
- c. Menyediakan jadual harian anggota dalam keluaran.
- d. Membuat pemeriksaan (*check list*) dan merekod setiap jentera serta peralatan kebombaanan.
- e. Menjalankan latihan kemahiran dalam balai dan di bangunan di kawasan jagaan.
- f. Membantu menyediakan Pra-Rancang Kebakaran.

4.2.3 Menyelia dan mengawal selia kerja-kerja penyelenggaraan harian ke atas jentera bomba dengan cekap yang meliputi aspek-aspek berikut:

- a. Kerja-kerja pemeriksaan harian ke atas jentera bomba selepas pertukaran pasukan bertugas berdasarkan jadual kerja harian.

- b. Membuat ujian perjalanan dan ujian keupayaan ke atas kereta bomba.
 - c. Menentukan kebersihan jentera dan keselamatannya.
- 4.2.4 Menyeliaikan pengendalian pam bomba yang meliputi aspek-aspek berikut:
- a. Menentukan ujian-ujian pam bomba dengan penjadualan dan peraturan jabatan.
 - b. Menentukan segala prosedur pengendalian pam bomba semasa kerja-kerja pemadaman, kecemasan dan bencana dipatuhi.
 - c. Melaporkan apa-apa kerosakan dan masalah pam dengan serta merta dan mengikut peraturan jabatan kepada Ketua Skwad Keluaran/ Pegawai Operasi Pasukan/ Pegawai Penjaga Balai.
- 4.2.5 Menyeliaikan tugas-tugas pemanduan jentera bomba dengan cekap yang meliputi aspek-aspek berikut:
- a. Memandu jentera bomba ke tempat kejadian kebakaran, bencana dan apa-apa penyelamatan.
 - b. Mengendali operasi jentera bomba seperti pam dan primer, apa-apa peralatan hidrolik yang lain-lain.
 - c. Membuat catatan ke dalam rekod perjalanan jentera bomba mengikut arahan jabatan.
- 4.2.6 Menyelia dan mengawal selia kerja-kerja di Bilik Kawalan dan Pengawasan yang meliputi aspek-aspek berikut:
- a. Mengendalikan dan pengujian alat-alat perhubungan telefon talian terus dan lain-lain peralatan telefon yang diletakkan di dalam bilik kawalan.
 - b. Mencatat atau merekodkan dalam buku catatan harian bilik kawalan serta mengarahkan pasukan keluaran di balai-balai cawangan untuk menghadiri hal-hal kecemasan.
 - c. Memberitahu kepada pegawai kanan bomba dan pegawai-pegawai di agensi-agensi mustahak seperti Pasukan Polis, Tenaga Nasional Bhd, Hospital, Bulan Sabit Merah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, JBA dan lain-lain tentang hal-hal kecemasan.
 - d. Mengendalikan alat-alat komunikasi di kereta bomba dan di balai-balai.

4.2.7 Menjalankan pemeriksaan ke premis bagi tujuan penghapusan bahaya kebakaran.

4.2.8 Menjalankan pemeriksaan ke bangunan bagi tujuan pelesenan perniagaan.

4.3 Pegawai Bomba Gred KB24

Bertanggungjawab sebagai Ketua Pasukan Operasi dalam operasi pemadaman kebakaran dan penyelamatan, melaksanakan tugas-tugas operasi kebombaannya, menjalankan tugas pengawalan disiplin, latihan dan pemeriksaan premis.

4.3.1 Bertindak sebagai Ketua Pasukan Operasi dalam operasi pemadaman kebakaran dan penyelamatan.

4.3.2 Melaksanakan tugas-tugas operasi kebombaannya meliputi aspek berikut:

- a. Menghadiri panggilan baris pertukaran tugas mengikut jadual tugas harian.
- b. Menyediakan jadual harian anggota dalam pasukan.
- c. Menyediakan laporan kebakaran dan menjalankan penyiasatan kebakaran.
- d. Menentukan dan melaksanakan pemeriksaan harian ke atas jentera bomba dan peralatan kelengkapannya.
- e. Menentukan dan mengawal selia sistem komunikasi di balai-balai berfungsi dalam keadaan baik.
- f. Menentukan dan mengawal selia pemeriksaan dan penyelenggaraan pili bomba di kawasan jagaan.
- g. Mengumpul dan mendapatkan data-data untuk merangka dan menyediakan Pra-Rancang Kebakaran.

4.3.3 Menjalankan tugas-tugas aktiviti latihan meliputi aspek berikut:

- a. Menjalankan latihan dalam balai bagi pasukan untuk meningkatkan kemahiran mengikut jadual di balai.
- b. Menjalankan pendidikan awam kepada orang awam/ swasta mengenai keselamatan kebakaran bagi balai-balai.
- c. Melaksanakan *Fire Drill* di bangunan.

4.3.4 Menjalankan pemeriksaan ke premis bagi tujuan penghapusan bahaya kebakaran.

4.3.5 Menjalankan pemeriksaan ke bangunan bagi tujuan pelesenan perniagaan.

4.4 Pegawai Bomba Gred KB26

Bertanggungjawab sebagai Pegawai Operasi Kanan dalam operasi pemadaman kebakaran dan penyelamatan, menjalankan tugas-tugas operasi kebombaannya, pengawalan disiplin, aktiviti latihan dan pemeriksaan premis.

4.4.1 Bertindak sebagai Pegawai Operasi Kanan dalam operasi pemadaman kebakaran dan penyelamatan.

4.4.2 Melaksanakan tugas-tugas operasi kebombaannya meliputi aspek berikut:

- a. Menghadiri panggilan baris pertukaran tugas mengikut jadual tugas harian.
- b. Menyediakan laporan kebakaran dan menjalankan penyiasatan kebakaran.
- c. Menyelia pemeriksaan harian ke atas jentera bomba dan peralatan kelengkapannya.
- d. Menyelia dan memantau sistem komunikasi di balai-balai berfungsi dalam keadaan baik.
- e. Menyelia pemeriksaan dan penyelenggaraan pili bomba di kawasan jagaan.
- f. Merangka dan menyediakan Pra-Rancang Kebakaran.

4.4.3 Menjalankan tugas pengawalan disiplin, tata kelakuan anggota di bawah jagaan.

4.4.4 Menjalankan tugas-tugas aktiviti latihan meliputi aspek berikut:

- a. Menjalankan latihan dalam balai untuk meningkatkan kemahiran mengikut jadual di balai.
- b. Menjalankan ceramah dan sesi latihan pertunjukan kepada orang awam/ swasta bila diarahkan.
- c. Melaksanakan *Fire Drill* di bangunan.

4.4.5 Menjalankan pemeriksaan ke premis bagi tujuan penghapusan

bahaya kebakaran.

4.4.6 Menjalankan pemeriksaan ke bangunan bagi tujuan pelesenan perniagaan.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Rakan sekerja di pejabat/ bahagian/ unit/ balai.
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

Luaran

- a. Orang awam.
- b. Golongan professional.
- c. Pemilik bangunan.
- d. Penghuni bangunan.
- e. Pengurusan bangunan.
- f. Jabatan/ agensi kerajaan.
- g. Syarikat swasta.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat

7. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Pegawai Bomba dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

8. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Rasuah.
- b. Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti api, terhidu asap/ gas.

Sumber : Lampiran D8, D9, D10, D11 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 37 Tahun 2005